KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA




# DASAR PENGANGKUTAN NEGARA 2019-2030

http://dpn.mot.gov.my/index.html

# PENGENALAN

Jemaah Menteri telah bersetuju penekanan diberikan kepada Pelan Pelaksanaan DPN bagi memastikan dasar ini tercapai menjelang 2030:

i) **agensi pelaksana perlu menyedia/memperincikan, menyelaras dan memantau setiap inisiatif yang dilaksanakan dengan pemegang taruh yang terlibat**. Kementerian Pengangkutan akan memantau pencapaian dasar ini secara keseluruhan melalui pemantauan berkala.

ii) inisiatif-inisiatif pelaksanaan adalah **bersifat dinamik seiring dengan perubahan trend semasa.**

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

# DPN 2019-2030 MENYEDIAKAN HALA TUJU STRATEGIK UNTUK SEKTOR PENGANGKUTAN YANG MAMPAN

## DASAR PENGANGKUTAN NEGARA




Dasar Pengangkutan Negara adalah penting untuk tujuan berikut:



**Menyediakan hala tuju strategik** untuk kementerian/agensi merancang dan membangunkan sektor pengangkutan

**Memperkemas inisiatif dan program** untuk mencapai objektif dan matlamat yang sam

Memastikan **kecekapan dan keberkesanan penggunaan sumber**

Memastikan perancangan mengikut sektor **melengkapi antara satu sama lain**

*Contoh-contoh di atas adalah polisi-polisi mengikut sektor

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

# VISI DPN 2019-2030 ADALAH BERPANDUKAN PRINSIP PENGANGKUTAN MANPAN

**Membangunkan sektor pengangkutan mampan yang memacu pertumbuhan ekonomi dan menyokong kesejahteraan rakyat seiring dengan status negara maju**

## OBJEKTIF

| DAYA SAING EKONOMI | | IMPAK SOSIAL | | IMPAK TERHADAP ALAM SEKITAR | |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. Mencipta **ekosistem yang kondusif** | 2. Membantu **melancarkan pergerakan barangan** | 3. Menyediakan mobiliti yang **memenuhi permintaan rakyat dan inklusif** | 4. **Meningkatkan perkongsian** mod pengangkutan awam | 5. Menyediakan **sistem pengangkutan yang pintar dan selamat** | 6. Memastikan bahawa sektor pengangkutan **menggunakan sumber secara mampan** |

## TERAS DASAR

1. **Memperkukuh tadbir urus** ke arah persekitaran yang kondusif bagi sektor pengangkutan
2. **Mengoptimum, membina dan menyelenggara** infrastruktur, perkhidmatan dan rangkaian pengangkutan untuk memaksimumkan kecekapan
3. **Meningkatkan aspek keselamatan, integrasi, ketersambungan dan kebolehcapaian** bagi melancarkan perjalanan
4. Melangkah maju ke arah **ekosistem pengangkutan hijau**
5. **Memperluas jejak global** dan mempromosikan pengantarabangsaan perkhidmatan pengangkutan

**5 teras dasar dan 23 strategi telah direkabentuk**

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

# TERAS DASAR 1: MEMPERKUKUH TADBIR URUS KE ARAH PERSEKITARAN YANG KONDUSIF BAGI SEKTOR PENGANGKUTAN



## 5 STRATEGI

**GT1**

**Memperkukuh penyelarasan** di kalangan agensi dan pemain industri

**GT2**

**Meningkatkan pembangunan tenaga mahir dan imej perkerjaan** dalam sektor pengangkutan

**GT3**

**Memperkukuh dan menyelaras rangka kerja perundangan**

**GT4**

**Menyerapkan konsep *evidence based planning*** dalam perancangan dan pembangunan

**GT5**

**Meningkatkan kecekapan proses pelepasan kargo** oleh agensi-agensi logistik

**GT – Governance in Transport*

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

# TERAS DASAR 2: MENGOPTIMUM, MEMBINA DAN MENYELENGGARA INFRASTRUKTUR, PERKHIDMATAN DAN RANGKAIAN PENGANGKUTAN UNTUK MEMAKSIMUMKAN KECEKAPAN









**6 STRATEGI**

**AT1** **Melaksana secara pintar dan mengurus lebih cekap** infrastruktur sedia ada dan baharu

**AT2** **Meningkatkan penggunaan perkhidmatan rel** bagi penumpang dan barangan

**AT3** **Menaik taraf perhubungan darat** yang menghubungkan pintu masuk utama negara dan **meningkatkan ketersambungan** antara koridor

**AT4** **Meningkatkan rejim penyelenggaraan** bagi infrastruktur

**AT5** **Meningkatkan daya saingan perkhidmatan kargo udara** bagi menyokong usaha Malaysia menjadi pusat pengedaran serantau

**AT6** **Memoden dan mengintegrasi sektor logistik** bagi mengurangkan kos menjalankan perniagaan

**AT – Asset in Transport*

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

# TERAS DASAR 3: MENINGKATKAN ASPEK KESELAMATAN, INTEGRASI, KETERSAMBUNGAN DAN KEBOLEHCAPAIAN BAGI MELANCARKAN PERJALANAN

## 4 STRATEGI




CT1

**Memperkukuh penguatkuasaan** bagi memastikan pematuhan kepada perundangan dan peraturan



CT2

**Mengguna pakai pendekatan sistem yang selamat** *(safe system approach)* yang menekankan aspek keselamatan infrastruktur, kenderaan dan pengguna




CT3

Memastikan bahawa aspek keselamatan sektor pengangkutan **menepati piawaian antarabangsa**



CT4

**Memperkukuh infrastruktur pengangkutan** dan **memperluas penggunaan digital** bagi meningkatkan ketersambungan

**CT – Connectivity in Transport*

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

# TERAS DASAR 4: MELANGKAH MAJU KE ARAH EKOSISTEM PENGANGKUTAN HIJAU

## 5 STRATEGI

**ST1** **Menguatkuasa pematuhan kepada akta dan peraturan alam sekitar** serta mengorak langkah ke arah piawaian alam sekitar antarabangsa

**ST2** Menjadikan rangkaian pengangkutan awam sebagai **tulang belakang kepada perancangan pertumbuhan spatial**

**ST3** **Mempercepatkan pelaksanaan inisiatif mobiliti rendah karbon**

gogreen

**ST4** Memperkenalkan **inisiatif untuk mengawal pencemaran, bunyi bising dan sisa buangan** daripada sektor pengangkutan

**ST5** **Meningkatkan keberkesanan komunikasi, pendidikan dan kesedaran orang ramai**

**ST – Sustainability in Transport*

# TERAS DASAR 5: MEMPERLUAS JEJAK GLOBAL DAN MEMPROMOSIKAN PENGANTARABANGSAAN PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN

## 3 STRATEGI

**IT1**

**Mewujudkan persekitaran** yang memudahkan para **pengendali industri pengangkutan tempatan menjadi pemain serantau atau global**

**IT2**

**Menggalakkan usaha sama dan pelaksanaan perjanjian serantau**

**IT3**

Memastikan kementerian/agensi berkaitan pengangkutan bersedia menyokong usaha **meningkatkan kedudukan Malaysia dalam indeks daya saingan global**

**IT – Internationalisation in Transport*

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA




**Urus Setia**
**Bahagian Perancangan Strategik Dan Antarabangsa**
**Kementerian Pengangkutan Malaysia**

